

TEKS UCAPAN

**YANG BERUSAHA PUAN Ir HJH ROSNANI BT HJ MAHMOD
SAMBUTAN HARI WANITA PULAU PINANG DI MPSP CAR FREE
MORNING @ SEBERANG PERAI, JALAN TODAK 2 & 3, BANDAR
SUNWAY, SEBERANG JAYA
4 MAC 2018 (AHAD)**

Yang Berusaha Dato' Sr Haji Rozali bin Haji Mohamud

Yang Dipertua MPSP

Yang Dihormati Ahli Majlis - Ahli Majlis

Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Datin Hjh Che Limah Bt Ujang

Pengerusi PUSPANITA MPSP

Ketua Jabatan & Pegawai

Majlis Perbandaran Seberang Perai & Penang Women's Development Corporation

Tuan - tuan dan puan - puan yang dihormati sekalian

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnianya dapat kita bersama-sama pada pagi ini di MPSP Car Free Morning @ Seberang Perai. Pagi ini juga adalah lebih istimewa kerana kita menggunakan platform ini untuk menyambut Hari Wanita Sedunia. Sempena dengan sambutan Hari Wanita Sedunia, MPSP dengan kerjasama PWDC dan MyShapeFitness juga mengadakan acara *Fit Challenge*. Selain itu, pelbagai acara sampingan turut disediakan seperti Persembahan Seni Mempertahankan diri Penang Aikido, Santai Mewarna, bengkel kecantikan , bengkel dan jualan barang upcycle, cupcake, pemeriksaan kesihatan dan lain-lain.

Hari Wanita Sedunia (*International Women Day, IWD*) yang jatuh pada 8hb Mac setiap tahun disambut sejak awal tahun 1900-an untuk memperingati sumbangan, pencapaian serta cabaran yang dihadapi oleh wanita dalam masyarakat di seluruh dunia. Bagi tahun 2018, di peringkat global, tema sambutan Hari Wanita Sedunia adalah #PressforProgress manakala bagi peringkat Pulau Pinang, tema yang dipilih adalah Wanita Pemacu Kemajuan. IWD Penang 2018 akan disambut secara besar-besaran sebagai pengiktirafan terhadap kaum wanita yang telah menyumbang dari segi ekonomi, politik, dan sosial.

Kita semua sedia maklum bahawa wanita pada masa kini bergelut dengan kerjaya demi menyara keluarga dan diri, sedangkan pada masa yang sama, mereka turut menjadi seorang ibu mahupun isteri di rumah sehingga tiada masa untuk diri sendiri. Platform MPSP Car Free Morning @ Seberang Perai ini membolehkan golongan ibu untuk menyihatkan tubuh, merehatkan minda, dan pada masa yang sama dapat menjalankan aktiviti rekreasi dan senaman bersama-sama anak mereka disini. Bukan itu sahaja, ibu yang bekerja juga bimbang tentang keselamatan serta kebijakan anak yang ditinggalkan di pusat-pusat jagaan tambahan pula, kos menghantar anak ke pusat jagaan atau didikan awal yang menawarkan perkhidmatan atau kemahiran tambahan agak tinggi. Golongan wanita muh diberikan hak serta peluang yang sama rata sama ada dalam bidang pendidikan, kerjaya mahupun sebagai pembuat keputusan. Oleh itu, IWD Penang 2018 menyeru orang ramai dan diri kita untuk menjadi pemangkin dalam membentuk masyarakat yang berkesaksamaan gender dan saling hormat-menghormati setiap lapisan masyarakat.

Cabaran yang menunggu golongan wanita sekarang terlalu banyak, maka hanya dengan kecekapan, kemahiran, kebijaksanaan, kesabaran dan

kekentalan semangat dimiliki oleh kita akan memastikan kaum wanita berjaya mengatasi setiap dugaan, ujian dan rintangan.

Mari kita bersama-sama berganding bahu untuk golongan wanita dan saya mengambil kesempatan ini mengucapkan Selamat Menyambut Hari Wanita Sedunia kepada semua yang hadir ke MPSP Car Free Morning pada pagi ini.

Sekian, terima kasih.